

Kerjasama UTHM, KLIA Premier

BATU PAHAT: KLIA Premier Holdings Sdn Bhd dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi penyelidikan dan perundingan, pembangunan kakitangan serta hubungan di peringkat kebangsaan, semalam.

Majlis menandatangani MoU itu dibuat sempena perasmian bangunan baru Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar UTHM.

Pada majlis itu, KLIA Premier diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nazarudin Mohd Nor din manakala UTHM oleh Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Ir Jamilus Md Hussin.

Naib Canselor UTHM, Datuk Prof Dr Mohd Noh Dalimin berkata, perjanjian itu dijalin bagi kerjasama penyelidikan dan perundingan khususnya dalam bidang pengurusan projek serta reka bentuk sektor pembinaan.

"Dengan kepakaran dan sumber dimiliki kedua pihak, kerjasama ini diharap menyumbang kepada perkembangan penyelidikan dalam bidang ber-



KERJASAMA...Nazarudin (kiri) dan Mohd Noh bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan Jamilus), semalam.

kaitan.

"Selain itu, bidang kerjasama yang sudah dipersetujui kedua-dua pihak ialah pembangunan kakitangan di bidang akademik dan peluang penyelidi-

kan dalam pengurusan projek serta reka bentuk dalam sektor pembinaan di peringkat kebangsaan," katanya.

Menurutnya, melalui persetujuan kerjasama itu, ia memberi

faedah kepada UTHM yang dapat meningkatkan jaringan hubungan lebih formal dengan masyarakat selain industri di peringkat kebangsaan.

"Jaringan hubungan yang erat dan mantap dalam pelbagai bidang antara UTHM dengan KLIA Premier dapat dimanfaatkan UTHM untuk kebaikan bersama," katanya.

Pada masa sama, UTHM turut memeterai MoU bersama Institut Jurutera Malaysia (IEM) bagi membangunkan sumber pengajaran dan penyelidikan.

Katanya, kerjasama itu akan membolehkan kakitangan akademik menggunakan keperluan penyelidikan terkini dalam membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran.

"Ia juga menggalakkan pertukaran maklumat serta sumber pengajaran dan penyelidikan antara kedua pihak.

"Selain itu, melalui kerjasama itu akan membuka lebih banyak ruang kepada potensi kerjasama penyelidikan dan perundingan bersama IEM," katanya.

IEM diwakili Presidennya, Vincent Chen Kim Kieong manakala UTHM diwakili Jamilus.